

Kepinding Nyamuk Helopeltis

BAHAGIAN DISERANG	Putik buah / buah
NAMA BIASA (BAHASA MALAYSIA)	Kepinding Nyamuk
NAMA BIASA (BAHASA INGGERIS)	Midges cocoa mirids
NAMA SAINTIFIK	<i>Helopeltis theivora</i> Miller
ORDER	Hemiptera
FAMILI	Miridae

CIRI-CIRI

- Turut menyerang bahagian buah koko
- Dewasa bertelur secara tunggal pada bahagian pucuk dan aktif diwaktu pagi dan petang
- Dewasa dan nimfa menghisap cairan sel pada putik buah
- Nimfa tidak bersayap tetapi aktif pada bahagian pucuk dan putik pada waktu pagi dan petang
- Mampu melukakan 20-150 bahagian dalam tempoh sehari

BIOLOGI

- TELUR : 5-7 hari
- NIMFA : 13-18 hari
- DEWASA : 30 hari
- KITARAN HIDUP : 18-25 hari (telur hingga nimfa)

SIMPTOM DAN KEROSAKAN

- Serangan pada bahagian pucuk menyebabkan luka bujur berwarna coklat
- Saiz luka dianggarkan antara 4 hingga 6 mm
- Serangan pada beberapa bahagian pucuk boleh menyebabkan pucuk kering, layu dan seterusnya mati
- Agak merbahaya jika menyerang pada pokok kecil serta pucuk yang baru dicantum

KAWALAN

- Racun serangga yang disarankan adalah dengan bahan aktif Cypermethrin, Deltamethrin atau Lambda-cyhalothrin
- Semburan dilakukan setiap dua minggu dengan menasaskan bagian pucuk koko jika serangan adalah serius
- Bilangan semburan boleh dikurangkan sekali sebulan apabila tahap serangan berkurangan
- Boleh menggunakan kawalan biologi, Semut Hitam Koko



Gambar Seranga



Gambar Simptom Kerosakan